

**TAHAP PENGETAHUAN DAN PERSEPSI
PEKERJA INDUSTRI KREATIF TERHADAP
ASPEK KESELAMATAN SOSIAL DI SABAH**

NURUL HIDAYU BINTI SAINUDDIN

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2021



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TAHAP PENGETAHUAN DAN PERSEPSI
PEKERJA INDUSTRI KREATIF TERHADAP
ASPEK KESELAMATAN SOSIAL DI SABAH**

NURUL HIDAYU BINTI SAINUDDIN

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH SARJANA
MUDA SAINS SOSIAL**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2021



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa latihan ilmiah yang bertajuk "Tahap Pengetahuan dan Persepsi Pekerja Industri Kreatif Terhadap Aspek Keselamatan Sosial di Sabah" ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



Nurul Hidayu Binti Sainuddin
(BA18161034)

23 /08/2021

Tarikh

PENGESAHAN

NAMA : **NURUL HIDAYU BINTI SAINUDDIN**
NO MATRIK : **BA18161034**
TAJUK : **TAHAP PENGETAHUAN DAN PERSEPSI PEKERJA
INDUSTRI KREATIF TERHADAP ASPEK
KESELAMATAN SOSIAL DI SABAH**
IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL
(HUBUNGAN INDUSTRI)**
TARIKH VIVA :

DISAHKAN OLEH;

1. **PENYELIA UTAMA**

Tandatangan

Puan Salmie Jemon

2. **PENYELIA BERSAMA**

Tandatangan

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurnianya, kajian ini dapat disempurnakan dengan baik. Besar harapan saya semoga kajian ini dapat memberi manfaat dan menjadi rujukan kepada mereka yang berkenaan. Sebarang kesilapan mohon dimaafkan, kerana tiada daya dan upaya melainkan dengan pimpinan dan pertolongan Allah SWT.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada ibu bapa saya yang amat-amat dikasihi iaitu Sainuddin bin Badaruddin dan Sriutami binti Laraji kerana telah banyak bekorban untuk saya selama ini. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada seluruh ahli keluarga saya di atas kesudian dalam memberikan segala bantuan, sokongan dan dorongan kepada saya selama ini.

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada Puan Salmie Jemon selaku penyelia latihan ilmiah saya dan semua pensyarah Hubungan Industri. Segala bimbingan, dorongan dan kesedian untuk membantu amat dihargai dan disanjung tinggi. Semoga segala ilmu yang diberikan mendapat keberkatan dan balasan daripada Allah S.W.T. Terima kasih juga kepada semua responden yang sudi berkongsi data kepada saya walaupun hanya melalui "*google form*". Tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan saya Nor Dayana Binti Kemin, Nur Haziyah Dahiyah Binti Haji Nordin, Amirrul Nabill Bin Razarudin, dan rakan-rakan yang lain di atas kesudian kalian membantu saya dalam memberikan sokongan dan dorongan dalam menyiapkan tugas ini. Semoga kalian mendapat kejayaan yang cemerlang dalam pengajian ini.

Akhir kata, saya ingin memohon maaf sekiranya terdapat kelemahan di dalam latihan ilmiah ini. Segala yang baik itu datangnya daripada Allah SWT dan yang buruk itu datangnya daripada kelemahan diri saya sendiri. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan persepsi pekerja industri kreatif terhadap aspek keselamatan sosial di Sabah. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui apakah polisi keselamatan sosial yang terdapat di Malaysia bagi pekerja industri kreatif, apakah tahap pengetahuan pekerja industri kreatif mengenai jaringan keselamatan sosial di Malaysia dan menganalisis persepsi pekerja industri kreatif terhadap PERKESO dan KWSP. Keputusan kajian ini dijalankan untuk mengetahui polisi, pengetahuan dan persepsi kepada pekerja berkenaan kewujudan keselamatan sosial yang ditawarkan kepada pekerja. Penyelidikan mengaplikasikan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik melalui laman sesawang "google form" bagi menjawab objektif kajian ini. Hasil dapatan kajian dianalisis menggunakan aplikasi *Statistical Package For Social Science (SPSS)*

Kata Kunci: Tahap Pengetahuan dan persepsi, pekerja industri kreatif, keselamatan sosial di sabah

ABSTRACT

This study was conducted to identify the level of knowledge and perception of creative industry workers on aspects of social security in Sabah. This study was conducted to find out what social security policies are available in Malaysia for creative industry workers, what is the level of knowledge of creative industry workers about the social safety net in Malaysia and analyze the perceptions of creative in industry workers towards SOCSO and the EPF. The results of this study were conducted to find out the policies, knowledge and perceptions of employees regarding the existence of social security offered to employees. Research on the application of quantitative methods by distributing questionnaire through the website google form to answer the objectives of this study. The results of the study were analyzed using Statistical Package For Social Science (SPSS) application.

Keywords : Level of Knowledge and Perception, creative industry workers, social security in Sabah.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACK	v
SENARAI KANDUNGAN	vi-vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
BAB 1: PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latarbelakang Kajian	1-5
1.2 Permasalahan Kajian	5-7
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	8-9
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Definisi Operasional	9-11
1.8 Rumusan	12
BAB 2: SOROTAN LITERATUR	
2.0 Pengenalan	13-14
2.1 Sorotan Literatur	14-43
2.2 Teori yang digunakan	43-48
2.3 Kerangka Konseptual	48-49

2.4 Rumusan	50
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	Halaman
3.0 Pengenalan	51
3.1 Kajian Kuantitatif	52
3.2 Soal Selidik	52-53
3.3 Kajian Sorotan Literatur	53
3.4 Reka bentuk kajian	54-56
3.5 Teknik persampelan	57
3.6 Instrumen Kajian	57-61
3.7 Kaedah Analisis Data	62
3.8 Analisis diskriptif	63-64
3.9 Rumusan	64
BAB 4: DAPATAN KAJIAN	
4.0 Pengenalan	65
4.1 Data Demografi Responden	65-77
4.2 Polisi Keselamatan Sosial yang terdapat di Malaysia	78-83
4.3 Tahap pengetahuan mengenai Skim Keselamatan Sosial	83-94
4.4 Persepsi pekerja industri terhadap Skim PERKESO & KWSP	94-102
BAB 5: PERBINCANGAN	
5.0 Pengenalan	103
5.1 Perbincangan	103-112
5.2 Limitasi kajian	112-113
5.3 Sumbangan Kajian	113-115
5.3 Cadangan untuk kajian akan datang	116
5.4 Kesimpulan	117
RUJUKAN	118-123

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1: Definisi Keselamatan Sosial	15-16
Jadual 2.2: Definisi Industri Kreatif	28-29
Jadual 3.1: Rangka item-item yang disoalkan	54-57
Jadual 3.2: Ujian Kebolehpercayaan	59
Jadual 4.1: Jantina	64
Jadual 4.2: Umur	65
Jadual 4.3: Taraf perkahwinan	66
Jadual 4.4: Tempoh perkhidmatan	68
Jadual 4.5: Jenis pekerjaan	69
Jadual 4.6: Pendapatan	71
Jadual 4.7: Kekurangan mencarum dengan PERKESO	72
Jadual 4.8: Jumlah caruman	73
Jadual 4.9: Status pekerjaan	75

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1: Asas motivasi maslow & Asas motivasi pekerja	42
Rajah 2.2: Faktor Hygiene	44
Rajah 2.3: Kerangka Konseptual	46
Rajah 4.1: Jantina	64
Rajah 4.2: Umur	65
Rajah 4.3: Taraf perkahwinan	67
Rajah 4.4: Tempoh perkhidmatan	68
Rajah 4.5: Janis pekerjaan	70
Rajah 4.6: Pendapatan	71
Rajah 4.7: Kekserapan mencarum dengan PERKESO	73
Rajah 4.8: Jumlah caruman	74
Rajah 4.9: Status pekerjaan	75

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Bab pendahuluan ini membincangkan hal-hal yang berkaitan latar belakang kajian. Selepas itu, permasalahan kajian dan persoalan kajian bagi penyelidikan ini turut dijelaskan. Tiga objektif kajian diutarakan bagi menjawab persoalan kajian yang timbul. Seterusnya, penjelasan berkaitan kepentingan kajian, skop dan definisi operasional juga dibincangkan bagi menghuraikan setiap perincian dan memahami lebih mendalam tentang kajian ini.

1.1 Latar belakang kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji tahap pengetahuan dan persepsi pekerja industri kreatif terhadap aspek keselamatan sosial di Sabah. Dalam hal kehidupan masyarakat, kebajikan merupakan salah satu elemen yang paling penting terutama apabila dibahaskan melalui ekonomi kebajikan dan juga pembangunan. Topik ini semakin berkembang dan mempunyai perhubungan yang kuat dalam aspek keselamatan sosial, maka topik ini berkaitan dengan pelaksanaan keselamatan sosial (social safety net) turut diangkat. Dengan adanya topik keselamatan sosial ini dapat sekali dilihat sebagai salah satu elemen utama dalam Negara kebajikan yang mana membantu bagi golongan-golongan yang tertentu. Kemunculan idea ekonomi kebajikan sekitar tahun 1970-an memperkukuhkan lagi hal ini yang turut menjadi perbincangan penting dalam konteks kapitalis. Berikut juga telah meletakkan Malaysia sebagai sebuah Negara yang tidak ketinggalan dalam melaksanakan topik kebajikan ini melalui beberapa pelaksanaan seperti pembangunan Dasaar Ekonomi Baru 1971-1000 (DEB). Berdasarkan Laporan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE) dalam Rancangan Malaysia

ke-10 telah menunjukkan bahawa dasar ekonomi yang berteraskan falsafah pertumbuhan dan pengagihan prestasi ekonomi yang cemerlang selama empat dekad sejak pelaksanaan DEB. Tujuan-tujuan penubuhan ini jelas sekali dilihat yang mana adalah untuk mengurangkan isu kadar kemiskinan, penyertaan ekonomi yang lebih seimbang, serta perluasan liputan perkhidmatan asas seperti kesihatan dan pendidikan di seluruh Negara.

Kewujudan jaringan keselamatan sosial dalam konteks Negara berkebajikan di Asia Tenggara khususnya Malaysia berbeza dengan apa yang diamalkan di Negara-negara maju di Barat. Kebanyakan wacana di Barat adalah berkenaan soal program keselamatan, perlindungan, dan jaringan keselamatan sosial yang lebih tertumpu kepada pelaksanaan dasar sosial. Ia merangkumi hak rakyat yang tidak mempunyai pekerjaan tetap atau menganggur untuk terus hidup dengan pemberian bantuan secara tetap oleh kerajaan yang memerintah. Perkara ini berkaitan dengan Negara yang perlu menampung keperluan asas rakyat sepanjang kehidupan mereka. Namun begitu, di Malaysia, program keselamatan, perlindungan dan jaringan sosial keselamatan lebih bersifat "bantuan dalam jangka pendek" kerana rangka dasar berkaitannya bersifat pelan perancangan kecemasan.

Oleh itu, pelaksanaan jaringan keselamatan sosial di Malaysia memerlukan dasar sosial jangka panjang yang berperanan memberikan bantuan kepada kelompok yang kurang mendapat manfaat daripada program pembangunan ekonomi dan sosiopolitik agar selari dengan pengamalan dalam sistem kapitalisme kebajikan yang turut mengambil kira Malaysia. Malaysia bukanlah Negara yang ingin dikenali sebagai sebuah Negara kebajikan yang menanggung kehidupan rakyatnya seumur hidup, tetapi bantuan yang diberikan bertujuan untuk menyediakan latihan dan kemahiran sebagai persediaan bagi golongan berpendapatan rendah hidup berdikari dalam jangka masa yang ditetapkan.

Antara perlindungan yang wajib disediakan di Malaysia ialah skim Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) yang mana ia merupakan sebuah agensi kerajaan Malaysia yang ditubuhkan bagi mentadbir dan melaksanakan skim keselamatan

sosial di bawah Akta keselamatan Sosial Pekerja 1969. Selain daripada itu, pertubuhan ini juga telah menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja dan tanggungan mereka. PERKESO ini juga merupakan agensi yang terletak di bawah Kementerian Sumber Manusia Malaysia. Objektif utama skim keselamatan sosial ini adalah untuk menjamin pembayaran faedah kepada pekerja dan tanggungjawab apabila berlaku kejadian luar jangka kepada pekerja itu. Skim PERKESO ini meliputi skim *Employment Injury Insurance* dan *Skim Invalidity Pension* yang mana skim ini menyediakan faedah merangkumi aspek faedah perubatan, ketidakupayaan sementara, faedah ketidakupayaan kekal, faedah kebergantungan, faedah kematian dan faedah rehabilitasi manakala skim kedua pula merangkumi skim perlindungan yang disebabkan oleh kematian.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) juga merupakan sebuah badan berkanun dan tabung amanah yang diwujudkan bagi menyediakan faedah persaraan kepada ahli-ahlinya apabila mereka bersara kelak. KWSP ini ditubuhkan 1 Oktober 1951 di bawah Ordinan KWSP 1951 dan telah digantikan dengan Akta KWSP 1991 yang berkuatkuasa 1 Jun 1991. Antara fungsi KWSP ini adalah menerima dan mengutip caruman daripada majikan, melaburkan semua wang KWSP (simpanan ahli) dan mengembalikan simpanan ahli kepada ahli atau waris ahli melalui proses pengeluaran simpanan. Tujuan KWSP ini juga komited yang mana untuk membantu ahlinya mencapai masa depan yang lebih baik melalui penambahbaikan berterusan bagi melindungi ahli dan menyediakan perkhidmatan yang terbaik.

Dalam industri kreatif, majikan diwajibkan untuk mendaftar dibawah skim PERKESO dan KWSP. Setiap majikan dan pekerja seperti yang telah didefinisikan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, dan Akta KWSP 1991 yang mana bertanggungjawab untuk membayar caruman bulanan bagi amaun upah yang dikenakan dibayar pada kadar yang masing-masing dinyatakan. Ini dikira sebagai skim liabiliti majikan yang mana skim keselamatan ini berbentuk melindungi dua bentuk faedah. Ianya meliputi berkenaan dengan pampasan yang diterima akibat kecederaan yang termaktub bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 dan berkenaan faedah sakit yang termaktub di bawah Akta Pekerjaan 1955. Bagi KWSP pula yang dikenali sebagai skim

pencen wang pekerja yang mana ia merupakan simpanan wajib yang dibentuk bagi memastikan keperluan pekerja sektor swasta khususnya pekerja industri kreatif ini dari segi bayaran atau dan selepas persaraan wujud bagi menampung kehidupan mereka selepas persaraan. Apabila pekerja mencapai takat umur 55 tahun, ahli KWSP ini masih boleh terlibat dalam menyumbang kepada tabung KWSP. Pelaksanaan memperlihatkan bagaimana bentuk peranan Negara dengan membina hubungan melalui sektor untuk mewujudkan bentuk pengurusan kebajikan pekerja khususnya dalam industri kreatif.

Secara terperinci, kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengetengahkan aspek keselamatan sosial di mana ianya penting terutamanya dalam proses transformasi pembangunan sosial di Malaysia. Menurut Abdul Rahman (2003), Sity (2003) dan Jomo (2014) telah menyatakan bahawa era DEB memperlihatkan dengan jelas bahawa wujud mekanisme campur tangan Negara dalam aspek pembangunan sosial di Malaysia. Jaringan keselamatan sosial merupakan terma baru yang mulai rancak diwacanakan pasca krisis kewangan sekitar tahun 1997 sehingga 1998 yang mana melibatkan tentang aspek pembangunan kebajikan sosial. Namun begitu, secara praktiknya dapat dilihat bahawa aspek ini sememangnya telah wujud dalam konteks pembangunan di Malaysia iaitu sejak awal Malaysia memperoleh kemerdekaannya iaitu sekitar 1958 di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (The Start 2017). Walau bagaimanapun, pelaksanaan jaringan keselamatan sosial ini khususnya yang berkaitan dengan aspek tanggungjawab sosial dikatakan sudah diperlihatkan yang mana ketika pelaksanaan DEB pada tahun 1971 apabila peranan Negara diketengahkan sebagai entity utama dalam membentuk dan menguruskan pembangunan ekonomi sosial.

Jaringan keselamatan sosial adalah satu mekanisme yang termaktub di bawah konsep kebajikan yang mana ianya dikatakan sebagai satu mekanisme yang wujud dalam usaha untuk mencapai keselamatan insan (Sity & Zarina 2015). Di Malaysia pelaksanaan jaringan keselamatan sosial ini dibentuk disebabkan oleh usaha Negara untuk mengurangkan kemiskinan dan mewujudkan kesejahteraan di dalam struktur masyarakat. Seperti yang telah dijelaskan bahawa terma jaringan keselamatan sosial ini

dikatakan sebagai terma yang baru namun sudah sekian lama wujud dengan dikenali sebagai perlindungan sosial ataupun jaminan sosial.

Oleh hal demikian, yang mana selaras dengan tanggungjawab Negara dalam memastikan keperluan asas rakyat dipenuhi dan terjamin, maka jaringan keselamatan sosial adalah merupakan mekanisme penting dalam perkara ini. Oleh itu, jaringan keselamatan sosial ditakrifkan sebagai Negara yang menjamin bagi hak setiap individu yang hidup di Negara tersebut dan taraf hidup yang selayaknya. Walau bagaimanapun, istilah jaringan keselamatan sosial ini sering ditukar sili ganti seperti bantuan kebajikan, bantuan sosial dan bantuan kecemasan walaupun prinsipnya adalah sama.

Skim keselamatan sosial merupakan satu bentuk skim keselamatan untuk pekerja atau buruh dalam sektor yang berorganisasi yang mana pekerja industri kreatif merupakan satu organisasi dalam sektor swasta. Antara bentuk skim keselamatan sosial yang ditawarkan dalam organisasi mereka meliputi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan skim Perlindungan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO).

1.2 Permasalahan Kajian

Kajian ini mempunyai banyak permasalahan yang dikenal pasti apabila menjalankan penyelidikan mengenai keselamatan sosial dalam sesebuah organisasi yang mana terdapat sesetengah pekerja yang kurang pengetahuan berkaitan hak mereka sebagai seorang pekerja. Permasalahan kajian dalam keselamatan sosial ini wujud apabila pekerja itu sendiri tidak mengetahui tentang hak-hak asas mereka dalam perkhidmatan yang dibuat dalam keselamatan sosial. Ini disebabkan, apabila pekerja kurang atau tidak mengetahui tentang hak-hak mereka dalam keselamatan sosial maka ini menyebabkan mereka tidak bersuara apabila mereka sepatutnya mendapatkan hak mereka di tempat kerja mereka. Hal ini disebabkan, apabila berlakunya sesuatu kemalangan ditempat kerja atau diluar tempat kerja, pekerja tersebut haruslah mendapat sebarang pampasan atau pembelaan daripada pihak berwajib.

Selain itu, PERKESO pula merujuk kepada perlindungan keselamatan sosial pekerja dalam organisasi terutama pekerja industri kreatif. Perlindungan ini bertujuan

memastikan setiap pekerja diberikan jaminan apabila berlaku sebarang kemalangan sama ada ketika waktu bekerja mahupun diluar waktu kerja. Program perlindungan sosial memerlukan perbelanjaan yang tinggi untuk melakukan jaminan sosial. Perlindungan ini kebiasaanya tertumpu kepada empat domain utama yang mana penghindaran kemiskinan, pampasan sosial dan pengagihan sumber pendapatan. Dalam konteks ini, pengamalan keselamatan sosial dari aspek kebajikan pekerja, dan pihak majikan yang mana kedua-dua mempunyai peranan masing-masing dalam menyediakan jaminan sosial kepada pekerja. Tujuan PERKESO ini sememangnya untuk melindungi pekerja yang mana mengalami kemalangan dan kebiasaannya kemalangan ini memakan kos yang tinggi dari segi perubatan rawatan, ubat-ubatan dan bantuan kesihatan seperti kerusi roda. Permasalahan ini akan berlaku apabila berlaku sebarang kemalangan sama ada pada waktu bekerja atau diluar waktu pekerja, pekerja akan mengalami masalah kewangan, oleh itu, majikan akan meminta pihak PERKESO untuk mengeluarkan caruman mereka serta membantu pekerja dari segi rawatan, peralatan, ubat-ubatan sehinggalah pekerja itu pulih. Ini juga kebiasaannya melibatkan pekerja mengalami hilang upaya kekal dan terpaksa berhenti kerja. Oleh itu, dengan adanya caruman di bawah PERKESO ini sudahpastilah pekerja yang bekerja dalam industri kreatif ini dapat dibantu dengan cara dilindungi sepenuhnya dan setimpal dengan kadar kemalangan yang berlaku kerana terdapat sesetengah majikan lebih mementingkan keuntungan sehinggalah mengabaikan aspek kebajikan pekerja.

Seterusnya ialah KWSP yang mana merujuk kepada caruman atau simpanan pekerja untuk hari persaraan. Situasi ekonomi dan perkembangan kewangan semasa di Malaysia kini telah mendorong dan memberikan individu untuk melabur, mencarum dan menyimpang wang mereka melalui instiusi-instiusi kewangan seperti Bank, Koperasi, Syarikat Insurant termasuk lah KWSP yang mana insituisi ini sememangnya memberi jaminan bagi faedah masa depan pekerja terutama dalam pekerja industri kreatif. Melalui sistem caruman dan peraturan-peraturan dalam insituisi tersebut, kesemua penyimpanan atau pencarum dibolehkan dan digalakkan untuk meletakkan penama-penama yang menerima simpanan atau caruman tersebut apabila mereka meninggal kelak yang mana ini dikenali sebagai waris. Namun, permasalahan ini boleh berlaku

apabila terdapat sesetengah pekerja yang mana mereka tidak mempunyai pengetahuan berkaitan KWSP seperti, caruman ini seperti memberi peluang kepada mereka untuk menyimpan duit pada hari persaraan, memberikan faedah apabila mencapai umur mandatory, menanggung kos rawatan dan pembedahan sekiranya mengalami sebarang penyakit serius. Perkara ini dinyatakan dengan jelas dalam kajian yang dijalankan oleh Husain et al., (2017) di mana KWSP merupakan pelan kewangan ketika menghadapi kecemasan. Berdasarkan kajian yang dijalankan, terdapat 60% responden tidak mempunyai pengetahuan yang terperinci mengenai manfaat yang disediakan oleh KWSP. Hal ini disebabkan, sesetengah mereka hanya mengetahui bahawa pengeluaran KWSP ini hanya boleh dikeluarkan apabila mencapai umur mandatori sahaja namun tidak mengetahui tentang beberapa syarat yang melayakkan diri mereka apabila berlaku perkara-perkara yang tidak diingini.

1.3 Persoalan kajian

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik adalah berkenaan dengan tahap pengetahuan dan persepsi pekerja industri kreatif terhadap aspek keselamatan sosial di Sabah. Berikut merupakan persoalan kajian yang perlu dirungkaikan untuk menjawab objektif kajian:

- i. Apakah polisi keselamatan sosial yang terdapat di Malaysia bagi pekerja industri kreatif?
- ii. Apakah tahap pengetahuan pekerja industri kreatif mengenai jaringan keselamatan sosial di Malaysia?
- iii. Apakah persepsi pekerja industri kreatif terhadap PERKESO dan KWSP

1.4 Objektif kajian

Fokus utama kajian ini adalah berkaitan tahap pengetahuan dan persepsi pekerja industri kreatif terhadap aspek keselamatan sosial di Sabah. Strategi mengenalpasti berkenaan keselamatan sosial pekerja adalah pengurusan yang digunakan dalam mencapai objektif kajian.

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Menenalpasti polisi keselamatan sosial yang terdapat di Malaysia bagi pekerja industri kreatif
- ii. Menenalpasti tahap pengetahuan pekerja industri kreatif mengenai jaringan keselamatan sosial di Malaysia
- iii. Menganalisis persepsi pekerja industri kreatif terhadap PERKESO dan KWSP

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah kajian sistematik yang diharapkan dapat menghasilkan dapatan kajian yang empirikal yang berhubung dengan tahap pengetahuan dan persepsi pekerja industri kreatif terhadap aspek keselamatan sosial di Sabah. Majikan hendaklah memainkan peranan bagi memastikan organisasi mereka berdaftar dibawah PERKESO dan KWSP yang mana kedua-dua skim ini sememangnya akan membantu pekerja jika berlaku kemalangan sama ada di tempat kerja atau diluar waktu bekerja serta membantu pekerja pada hari persaraan mereka. Kajian ini juga adalah memastikan agar pekerja mengetahui tentang polisi dan juga kebaikan berkaitan dengan skim keselamatan sosial sama ada dari segi perubatan, pendidikan, pengebumian, orang tanggungan dan juga pencen.

Selain itu, kajian ini bertujuan untuk memastikan pekerja mengetahui tentang skim yang ditawarkan dalam kerajaan Malaysia agar mengalakkan lagi mereka mencarum dalam skim yang telah ditetapkan. Ini termasuklah dua skim yang ditawarkan

dalam pekerja industri kreatif iaitu skim PERKESO dan juga KWSP yang mana skim PERKESO ini bertujuan untuk melindungi pekerja manakala skim KWSP pula bertujuan untuk penyimpanan duit persaraan. Tambahan pula, kepentingan kajian ini adalah untuk memastikan perspesi pekerja terhadap skim PERKESO dan KWSP yang mana skim PERKESO ini bertujuan membayar segala pampasan jika berlaku kemalangan kepada pekerja tersebut, manakala KWSP juga membantu menyimpan duit persaraan, menanggung kos rawatan, dan memberi faedah apabila mencapai umur mandatori.

Hasil daripada kajian ini akan memberikan kesedaran terhadap pekerja bahawa skim yang ditawarkan oleh organisasi ini sememangnya akan membantu serta melindungi pekerja. Tambahan pula, dengan adanya kajian ini penyelidik memberikan kepentingan kepada penyelidikan berbentuk akademik untuk menyeru pengkaji yang akan datang untuk menggali secara mendalam mengenai isu ini agar menjadi satu bidang ilmu yang dapat memberikan manfaat kepada generasi akan datang.

1.6 Skop kajian

Skop kajian ini merangkumi pekerja yang bekerja dalam industri kreatif terutama di Sabah, yang mana pekerja akan dipilih secara rawak dari pelbagai jenis pekerjaan. Pengkaji telah memilih beberapa organisasi utama yang menjadi responden dalam kajian ini seperti Pekerja di Jabatan Penyiaran Malaysia, Sabah (RTM), pekerja di Wisma Ramai- dan juga pekerja yang bekerja di Vinouns Films. Responden kajian ini adalah sangat penting kepada kajian yang dijalankan oleh pengkaji kerana mereka yang akan menentukan tentang keselamatan sosial pekerja industri kreatif.

1.7 Definisi operasional

Definisi operasional yang digunakan oleh setiap pembolehubah dalam kajian ini adalah seperti berikut :-

1.7.1 Keselamatan Sosial

Menurut kamus dewan, keselamatan sosial adalah suatu perkara atau langkah yang perlu diambil untuk mengelakkan berlakunya peristiwa yang tidak diinginkan seperti kecederaan atau kehilangan nyawa. Keselamatan dapat dikelaskan kepada tiga jenis iaitu menjaga keselamatan diri sendiri, orang lain, alatan serta mesin, kedua mengetahui cara-cara pertolongan cemas dan yang ketiga ialah mengetahui cara menggunakan peralatan keselamatan seperti alat pemadam api. Keselamatan sosial adalah satu program yang dibiaya oleh kerajaan bagi mentadbir serta memenuhi keperluan asas kepada sebuah kumpulan sosial atau orang yang tidak mempunyai apa-apa sumber. Kebiasannya ia ditujukan kepada mereka yang hidup dalam keadaan kemiskinan, orang yang kurang upaya, keluarga besar dan orang-orang tua. menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), keselamatan sosial adalah perlindungan kepada masyarakat bagi menyediakan semua anggotanya melalui langkah-langkah yang berbeza. Konsep perlindungan sosial (Social protection) dalam konteks negara kebajikan merupakan konsep yang mendasari kepada pelaksanaan dan penggubalan polisi sosial yang bertujuan untuk memastikan tahap kebajikan rakyat terjamin. Program perlindungan sosial sering kali memerlukan perbelanjaan yang tinggi dalam usaha untuk melaksanakannya bagi menjamin sosial yang tinggi (Esping-Andersen, 1990). Perkara ini kebiasannya ditonjolkan dengan jelas oleh Negara kebajikan di Barat bagi mengukur tahap welfare statism (kawalan ekonomi dalam aspek kebajikan). Perlindungan sosial secara umumnya, didefinisikan sebagai program atau produk yang terhasil dalam usaha untuk menyediakan bantuan dan keperluan yang meliputi aspek individu dan masyarakat dalam berhadapan dengan tekanan ekonomi (Dixon, 1999). Malaysia, pelaksanaan perlindungan sosial diklasifikasikan kepada dua katefori utama iaitu pertama adalah keselamatan sosial dan kedua insurans sosial. Program keselamatan sosial merupakan program yang mengawal selia program persaraan bagi dua kumpulan pekerja yang besar iaitu kakitangan awam dan kakitangan swasta. Manakala program insurans sosial pula menyediakan program perlindungan pampasan pekerjaan di bawah skim Liabiliti Majikan, skim Pampasan Pekerja dan Organisasi Keselamatan Sosial (SOCSO).

1.7.2 PERKESO

Akta Keselamatan Sosial 1969 (selepas dirujuk sebagai PERKESO) adalah merupakan suatu Akta yang digubal untuk menjaga kebajikan pekerja terutama berlaku kemalangan semasa bekerja yang menyebabkan pekerja mengalami kecederaan. Sebelum adanya Socso, sekiranya berlaku kecederaan semasa seseorang pekerja sedang bekerja, pekerja itu perlu mengemukakan suatu tuntutan guaman terhadap majikannya di bawah tort kecuaiian biasa. Konsep yang diutarakan melalui PERKESO adalah meletakkan tanggungan ke atas majikan untuk membayar pampasan kepada pekerja yang mengalami kecederaan akibat kemalangan semasa bekerja tanpa memerlukan pekerja membuktikan kecuaiian majikan atau ketidakcuaiian diri sendiri. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ditubuhkan pada tahun 1971 terpakai kepada semua perusahaan yang mempunyai seorang pekerja atau lebih.

1.7.3 KWSP

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang ditubuhkan pada 1951 merupakan salah satu tabung simpanan persaraan yang tertua dan antara yang terbesar di dunia. KWSP telah melalui transformasi yang ketara berbanding pada awal penubuhannya, dan sebahagian besar perubahan ini telah dipacu oleh Visi dan Misi KWSP yang melindungi simpanan ahli dan menyediakan perkhidmatan terbaik, KWSP ini berkembang daripada sesebuah organisasi pada awalnya berpaksikan transaksi sebuah organisasi pengurusan dana professional dengan tumpuan terhadap jaminan persaraan (KWSP 1971). Setiap majikan dan pekerja seperti yang didefinisikan di bawah Akta KWSP adalah bertanggungjawab untuk membayar caruman bulanan bagi amaun upah yang dikenakan dan dibayar pada kadar yang masing-masing telah dinyatakan (Seksyen 43 (1) Akta KWSP)

1.8 Rumusan

Keselamatan sosial merupakan salah satu perlindungan yang wajib yang mestilah didaftarkan oleh majikan dalam sesebuah organisasi yang mana perlindungan ini mengambil kira tentang kehidupan dan keperluan pekerja yang hidup dalam keluarga besar, kemiskinan, kurang upaya, menganggur dan yang tiada pekerjaan. Pada masa yang sama, skim ini juga membantu pekerja untuk hari persaraan.

Bahagian ini telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan permasalahan kajian yang telah dikupas menerusi persoalan kajian yang timbul akibat daripada permasalahan kajian. Persoalan kajian membawa kepada objektif kajian yang memandu pihak pengkaji menjalankan penyelidikan ini. Seterusnya, skop kajian iaitu mengenai tempat kajian yang dipilih oleh pihak pengkaji dan kepentingan kajian ini.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Secara umumnya bahagian sorotan literatur kajian dalam penyelidikan akan membincangkan beberapa aspek yang dianggap penting dalam menentukan hala tuju kajian yang akan dilakukan kelak. Kajian lepas adalah suatu pemahaman yang jelas bagi mengenali, menilai, dan mentafsir hasil penulisan oleh penyelidik, golongan cendekiawan dalam bidang berkaitan dengan permasalahan yang akan dikaji.

Selain itu, bab ini juga membincangkan hasil tinjauan literatur. Penjelasan daripada tinjauan literatur lepas adalah penting buat pengkaji untuk memperbaiki kekurangan dalam rangka perancangan dan pelaksanaan penyelidikan sekaligus dapat membantu dalam menyediakan penyelidikan yang lebih bermutu dan berguna. Berasaskan kepada perbincangan yang wujud maka suatu kerangka konseptual kajian akan diperkembangkan oleh pengkaji agar suatu gambaran awal mengenai penyelidikan yang akan dilakukan dapat difahami dengan lebih mudah dan jelas.

Bahagian ini akan membincangkan mengenai sorotan literature yang oleh pihak pengkaji memfokuskan kepada kajian yang bakal dijalankan iaitu tahap pengetahuan dan persepsi pekerja industri kreatif terhadap aspek keselamatan sosial di Sabah. Bahagian ini akan menerangkan secara ringkas terhadap konsep-konsep yang digunakan serta isu-isu yang akan menjadikan petunjuk kepada pengkaji dalam menjalankan penyelidikan ini.

Perubahan-perubahan yang berlaku dalam keselamatan pekerjaan khususnya melibatkan sistem teknologi yang lebih canggih, ilmu IT pada masa dan perkembangan yang semakin luas menyebabkan hak dan masa depan para pekerja menjadi satu isu yang perlu diketengahkan. Perubahan yang nyata dalam bentuk teknologi yang muncul



dalam beberapa bidang pengkhususan yang boleh menggugat keselamatan dan kesihatan pekerja yang mana dapat melindungi pekerja daripada aspek seperti hak dan kebajikan pekerja yang mengelakkan daripada berlaku sebarang perkara yang tidak diingini daripada sebarang kemalangan.

Oleh itu, bab ini akan mengupas konsep-konsep yang tentang keselamatan sosial pendekatan teori yang berkaitan dan fungsi yang dapat dilihat bagi membantu pekerja yang mengalami masalah ketika dalam pekerjaan

2.1 Sorotan Kajian Lalu

Definisi Keselamatan Sosial

Menurut kamus dewan, keselamatan adalah suatu perkara atau langkah yang perlu diambil untuk mengelakkan berlakunya peristiwa yang tidak ingini seperti kecederaan atau kehilangan nyawa. Keselamatan dapat dikelaskan kepada tiga jenis:

- a) Menjaga keselamatan diri sendiri, orang lain, alatan serta mesin.
- b) Mengetahui cara-cara pertolongan cemas.
- c) Mengetahui cara menggunakan peralatan keselamatan seperti alat pemadam api.

Manakalah taktifan kepada Keselamatan Sosial adalah satu program yang dibiaya oleh kerajaan bagi mentadbir serta memenuhi keperluan asas kepada sesebuah kumpulan social atau orang yang tidak mempunyai apa-apa sumber. Kebiasannya ia ditujukan kepada mereka yang hidup dalam keadaan miskin, orang yang kurang upaya, keluarga besar dan orang-orang tua. Maksud keselamatan sosial muncul di Jerman ketika canselor Otto Von Bismarck menggalakkan undang-undang Insurans Kesihatan dalam 1883 terhadap pekerja di Negara tersebut. Di Amerika Syarikat pula, konsep itu mula menjadi popular ketika tertubuhnya satu akta baharu iaitu Akta Keselamatan Sosial pada tahun 1935. Mengikut takrif yang disediakan oleh pertubuhan Buruh Antarabangsa

RUJUKAN

- Abdul Rahman Bakar. (2007). "Kesatuan sekerja perlu diurus cekap". Dipetik dari Utusan Malaysia Online.
<https://bahanbahan.wordpress.com/2007/11/09/kesatuansekerjaperludiuruscekap/>
. Dilayari pada 20 Jun 2021.
- Adnan, M.A.A., Noor, R. M., Rahim, A. H. A., Yaacob, N. A., & Najib, N. A. (2019). Negara dan transformasi pembangunan jaringan keselamatan sosial di Malaysia. *Gading Journal for Social Sciences (e-ISNN 2600-7568)*, 22 (00), 162-175
- Anuar, A. R., & Saad. (2010). *Amalan subsidi dan rasionalnya kea rah mewujudkan institusi jaringan keselamatan sosial*.
- Balakrishnan Parasuraman. (2006). *Hubungan Industri Di Malaysia: Pendekatan dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buletin Kementerian Sumber Manusia. (2014). "Nota Ringkas Mengenai Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan Peraturan-Peraturan Kesatuan Sekerja 1959."
<http://www.mohr.gov.my/docz/JHEKS/penerbitan/penerbitan/penerbitan.pdf>.
dilayari pada 20 Jun 2021.
- Che Wan Takwa Che Wan Abu Bakar. (2008). Reaksi Kepemimpinan MTUC Terhadap Hak Pekerja Semasa Berlakunya Krisis Ekonomi Dunia. *JURNAL ISLAM dan Masyarakat Kontemporari*. Jil. 1, pp: 99-114.
- Chuan Yaw Piaw, 2006. *Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill (Malaysia) Sdh. Bhd
- Chuan Yaw Piaw, 2006. *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill (Malaysia) Sdn.Bhd
- Daud Tommi. (2011). "Berkonfrontasi Secara Positif Dengan Buah Hati Anda."
<http://pondokpenabur.blogspot.com/2011/04/berkonfrontasisekarapositifdengan.Html>. Dilayari pada 20 Jun 2021.

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). "konfrontasi". <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=konfrontasi%3B>. Dilyari pada 20 Jun 2021.
- Dixon, H. (1999). Controversy: on the use of the 'hidden economy' estimates. *Economic Journal*, 109(456), 335-337.
- Edul, S., Daud, F., Abdl Rani, N., & Zahid, S.N.A. (2021). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kualiti Hidup dan Sokongan Sosial Pesakit Berinsurans dalam program Return To Work (RTW) di Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Sabah. *International Journal of Public Health Research*, 11 (1).
- Fernandez *et al.*, 2004. *Knowledge Management Challenge, Solution and Technologies*. New Jersey; Prentice Hall.
- Final Layout *Risalah Perkeso BM*
- Hamidon Khalid. (2008). "Peranan Yang Boleh Dimainkan Oleh Kesatuan Sekerja." <http://cuepacs.blogspot.com/2008/10/perananyangbolehdimainkanoleh.Html>. Dilyari pada 20 Jun 2021.
- Hashim, S. M. (1998). *Income inequality and poverty in Malaysia*. Rowman dan
- Husain, M.A.H, Kamdani, R.Ayob A., Rashid, n.Z.Nor, M. M., Ibrahim, R., & Yusof M.M. (2017). Mengukur tahap kesedaran penyediaan pelan persaraan untuk kakitangan awam: kajian kes kakitangan Pengurusan dan Profesional (p&p) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- Jomo, K. S., dan Gomez, E. T. (2000). *The Malaysian development dilemma. Rents rent seeking and economic development: Theory and evidence in Asia*, 274 - 303.
- Khalid, M. A. (2014). *The colour of inequality: Ethnicity, class, income and wealth in Malaysia*. MPH Group Publishing.
- Laws of Malaysia. (2006). *Act 262: Trade Unions Act 1959*. Malaysia: The Commissioner Of Law Revision.

- Lippit, V. D. (2005). The political economy of China's economic reform: observations on China and socialism. *Critical Asian Studies*, 37(3), 441-462.
- Littlefield.Ishak, M. M. B. (1999). From plural society to Bangsa Malaysia: ethnicity and nationalism in the politics of nation-building in Malaysia (Doctoral dissertation, University of Leeds).
- Maimunah Aminuddin. (2006). "Menjelajah Pengurusan Sumber Manusia: Perhubungan Perusahaan."
<http://www.nhrc.com.my/documents/10179/326210/Industrial%20Relations%20-%20BM%20Version>. Dilyari pada 20 Jun 2021.
- Malaysian Trades Union Congress (MTUC). (2014). <http://www.mtuc.org.my/>. Dilyari pada 20 Jun 2021.
- Mankiw, N. G. (2001). *Principles of Economics (Edisi Kedua)*. United States: Harcourt College Publishing.
- MENTERI, J. P. (2010). Rancangan Malaysia Kesepuluh
- Mitra, S. (2005). Disability and social safety nets in developing countries.
- Mohammad Alyas, Z. A., & Roslinah, M. (2021). PANDEMIK COVID-19 DAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) DI MALAYSIA
- Mohd Ismail. (2014). "Isu dan Cabaran Kesatuan Sekerja di Malaysia (Sabah)".
<http://isatika.blogspot.com/2014/04/isudancabarankesatuansekerjadi.html>. Dilyari pada 20 Jun 2021.
- Mohd. Majid Konting, 1993. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Sohaimi Esa. Sumbangan Tun Abdul Razak Dalam Membina Hubungan Malaysia-Indonesia. *Jurnal Sejarah*. pp: 197-216.
- Mohd Yusof, S. F. A. (2010). *Pemakaian peraturan-peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), 2001 dalam tuntutan dan agihan harta tanpa penamaan:*

pelaksanaannya di KWSP Kuala Lumpur/Siti Fatimah Azzura Binti Mohd Yusof
(Doctoral Dissertation, Univeristy of Malaya).

Mossig, I. (2011). Regional employment growth in the cultural and creative industries in Germany 2003-2008. *European planning studies*, 19(6), 967-990.

(Muhammad Ariff Asyrul Adnan, Rafizah Mohd Noor, Akmal Hisham Abdul Rahim, Nur Ain Yaacob, Nurul Afzan Najid, 2018)

Mumtaj, A. dan Harlida, A. W. (2003). *Undang-undang Pekerja untuk Pengurus*.
Bentong: PTS Publications and Distributors.

Niir Halum Bin Nordin & Zaid Ahmad, *Jaringan Keselamatan Sosial di Malaysia*, Journal Of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia

Nordin, N. H., & Ahmad, Z. (2019). Jaringan Keselamatan Sosial di Malaysia. *E-bangi 16* (7)

Ragayah, H. M. Z., Lee, H. A., dan Saaidah, A. R. (2002). *Social protection in Malaysia. Social Protection in Southeast and East Asia, Friedrich Ebert Stiftung: Singapore*, 119-169.

Rasih, S. R. B. A.(2018). PEMULIHAN KLIEN DALAM KONTEKS KERJA SOSIAL: PENGALAMAN PENGGUNA TEKNOLOGI DI PUSAT REHABILITIAS TUN ABDUL RAZAK, BANDAR TEKNOLOGI HIJAU MELAKA. *Human sustainability Procedia*.

Roodhouse, S. (2006). The creative industries: definitions, qualification and practice, *Cultural Industries: The British Experience in International Perspective. Online, Berlin: Humboldt University Berlimn, Edoc-Server*, 13-32.

Rozanariah Binti Mohd Sani, (2014). *Hubungan di antara Amalan Pengurusan Keselamatan dan Tingkah Laku Keselamatan: Suatu Kajian di Petronas Fertilizer Sdn Bhd*, Master of Human Resource Management Univeristi Utara Malaysia

Salleh, M. S. (2014). Organizational and Definitional Reconfiguration of Zakat Management. *International Journal of Education and Research*, 2(5).

- SAMSUDDIN, S., & ISMAIL, N. (2018). Corak Hilang Upaya dalam Kalangan Pekerja di Malaysia: Kajian Kes bagi Pencarum PERKESO. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 16(1), 87-94
- Sekaran U., 1992. *Research Method For Business: A Skill-Building Approach*. 2nd ed. New York: John Wiley & Sons.
- Shah Rollah Abdul Wahab, et. al. (2009). "Bab 10: Persepsi Pekerja Terhadap Kesatuan Sekerja: Satu Kajian Di Hotel Di Johor Bahru." Dalam *Amalan Latihan dan Pembangunan Sumber Manusia di Malaysia*. diambil dari http://eprints.utm.my/14768/1/ShahRollahAbdul2009_PersepsiPekerjaTerhadapKesatuanSekerja.pdf. 20 Jun 2021.
- Shannon Teoh Dan Mohd Farhan Darwis (2011). "Batal pindaan Akta Kerja atau hadapi kesan masa PRU, MTUC beri Najib amaran." Dipetik dari Malaysian Insider. <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/batalpindaanaktakerjaatauhadapikesanmasaprumtucberinajibamaran/>. Dilayari pada 20 Jun 2021.
- Sity Daud. (2004). Globalisasi dan Negara Pembangunan. *Akademika*, Jil. 64, pp: 27-41.
- Siti Fatimah Azzura Binti Mohd Yusof (2010), *Pemakaian Peraturan-peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 2001 Dalam Tuntutan dan Agihan Harta Tanpa Penamaan: Pelaksanaan Di KWSP Kuala Lumpur*, Universiti Malaya Kuala Lumpur
- Sity, D., dan Zarina, O. (2005). Keselamatan insan dan jaringan keselamatan sosial. Politik dan Keselamatan. Bangi: Penerbit UKM.
- Stake R. E., 2003. *Privacy: What's Different Now?* Interdisciplinary Science Reviews. 28 (4) New York: NYU Press.
- Sotharith, C. (2005). Urban Poverty and Social Safety Net in Cambodia. Cambodian Institute for Cooperation and Peace.
- Tambunan, T. (2005). Promoting small and medium enterprises with a clustering approach: A policy experience from Indonesia. *Journal of Small Business Management*, 43(2), 138- 154.

- The Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services (CUEPACS). (2013). <http://cuepacsmalaysia.org/>. dilayari pada 20 Jun 2021.
- Vivian, J. (1994). Social safety nets and adjustment in developing countries (No. 1). UNRISD Occasional Paper: World Summit for Social Development.
- Wai, K. T. (2016). Perancangan Kewangan dan aplikasi teori tingkah laku kewangan dan teori keperluan Maslow: Kajian kes KWSP di Malaysia. *Geografia Online TM Malaysia Journal of Society and Space*, 12 (8), 10-21.
- Xin, G., dan Xu, W. (2005). From Statism to Corporatism: Changes in the relationship between the state and professional associations in the transition to market economics in China. *Sociological Research*, 2, 155-175.
- Yin R. K., 2003. *Case Study Research. Design and Method* 3rd Edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc
- Zafar, M.W., Saud S., & Hou, F. (2019). The impact of globalization and financial development on environmental quality: evidence from selected countries in the Organization for Economic Co-operation and Development (OECD). *Environmental Science and Pollution Research*, 26(13), 13246-13262.
- Zahir Zainudin. (2007). "Kesatuan sekerja: Hak dan tuntutan". <http://zahirzainudin.blogspot.com/2007/11/kesatuansekerjahakdantuntutan.html>. Dilayari pada 20 Jun 2021